

Muhammad Rifat dan Turath Bacaannya

Muhammad Rifat and His Reciting Records

WAN HILMI WAN ABDULLAH*, AHMAD ASMADI SAKAT & SABRI MOHAMAD¹

ABSTRACT

Shaykh Muhammad Rifat is one of the famous reciters in Egypt in the era of the 90's. His stature continues evident after officially been invited as a qari to the opening ceremony of Qari al-Misriyyah Idha'at in 1934. During his involvement in the world of Quranic recitation, Shaykh Muhammad Rifat had recited the Quran in the mosque of Fadil Basha for 25 years. His determinations to deliver and spread Holy Quran with an intermediate reading in mosques, haflah-haflah and ma'tam also have strongly influenced the next generations of qurra'. Many of the reciters like Shaykh Mustafa Isma'il, Shaykh Abu al-Aynin Sha'isha', Shaykh 'Abdul Fattah and others recognize that he has the greatness and uniqueness of its own in the art of reading the Quran. This is evidenced by some of the titles given to him as Amir al-Qurra', Qitharah al-Sama' and Sawt al-Malaikah by his contemporary reciters. After Shaykh Muhammad Rifat died in 1950, then relics of his recited turath were uncovered which compiled by his friend, Zakaria Basha and compatriot Muhammad Khamis, as they managed to gather a total of 278 cds contains 19 chapters with the duration of 21 hours.

Keywords: Muhammad Rifat, al-Quran, Quranic Recitation, Quranic Reciter

Shaykh Muhammad Rifat merupakan seorang qari yang sangat terkenal di Mesir. Beliau lahir pada tahun 1882M (Mahmud 2011: 15) di perkampungan al-Mugharbalin, Darb al-Ahmar, Kaherah. Ketika berusia dua tahun, Shaykh Muhammad Rifat telah ditimpa penyakit pendarahan beku dalam kepala mengakibatkan kedua-dua belah matanya buta. Bagaimanapun ianya tidak sedikit pun mematahkan semangat dan keazaman beliau untuk menimba ilmu pengetahuan terutama dalam bidang yang berkaitan dengan ilmu al-Quran. Shaykh Muhammad Rifat merupakan anak keempat dalam keluarga yang dianggap sebagai keluarga yang amat sederhana. Bapanya seorang anggota polis yang pernah berkhidmat di bahagian kepimpinan polis dan meninggal dunia ketika usia beliau 9 tahun (Mahmud 2011: 10). Pada usia kanak-kanak, Shaykh Muhammad Rifat sudah digelar dengan gelaran 'shaykh' hingga mendorong bapanya menghantarnya ke *kuttab* (pusat pengajian al-Quran) bagi tujuan mempelajari dan memulakan pengajian hafalan al-Quran pada usia lima tahun dan menamatkan hafalan pada usia enam tahun (Tariq 1994: 12). Menurut Mahmud (2011: 10), dalam usia lima tahun, Shaykh Rifat sudah dilantik sebagai *qari surah* atau qari masjid secara tidak rasmi di masjid Fadhil Basha pada setiap hari Jumaat. Kepercayaan yang diberikan oleh pihak pengurusan tadbir masjid ini adalah sebagai menunjukkan model dan contoh yang baik kepada kalangan generasi qari cilik lain supaya melibatkan diri dalam dunia tilawah al-Quran dengan lebih

¹ **Wan Hilmi Wan Abdullah*** (Corresponding author), Lecturer at Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, Emel: hjmiley@ukm.my; **Ahmad Asmadi Sakat**, Ph.D., LectureR at Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, Emel: aas@ukm.my; **Sabri Mohamad**, Ph.D., Lecturer at Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, Emel: sabri_mohamad@ukm.my.

bersungguh-sungguh. Qari-qari masyhur bermula dari peringkat muda termasuk Shaykh Mustafa Isma'il, Shaykh Nu'ina' dan Shaykh Fathi Maliji. Mereka diberikan bimbingan dan tunjuk ajar oleh qari-qari lebih senior ketika kecil lagi.

Apabila usia Shaykh Muhammad Rif'at meningkat remaja atau berumur belasan tahun, beliau dilantik oleh Kementerian Waqaf Mesir sebagai *qari al-surah* di masjid tersebut secara rasmi. Antara faktor perlantikan tersebut ialah selain memiliki *uslub* bacaan yang menarik, beliau juga mempunyai kekuatan yang tersendiri dalam penyampaian bacaan, mempunyai daya tarikan dan sifat khusyuk dalam bacaan al-Quran. Semenjak itu, personaliti Syakh Muhammad Rif'at tidak asing lagi dalam kalangan peminat dan pendengar setianya. Pada waktu itu, bacaan beliau sering kali disiarkan dalam radio sehingga tahun 1942 apabila beliau ditimpak dengan penyakit tersebut mengakibatkan program tersebut dihentikan untuk seketika waktu. Penyakit yang dialami oleh Shaykh Rif'at agak serius dan telah menjelaskan saluran suaranya daripada berfungsi dengan baik, menyebabkan beliau tidak lagi boleh membaca al-Quran seperti pada kebiasaannya. Pada tahun 1943, suara Shaykh Muhammad Rif'at terus lenyap dari corong-corong radio dan bacaan ayat-ayat al-Quran tidak kedengaran lagi. Penyakit tersebut berlarutan selama lapan tahun sebelum beliau menghembuskan nafas terakhir pada 9 Mei 1950 (Tariq 1994: 14). Antara gelaran yang diberikan kepada Shaykh Muhammad Rif'at adalah '*Sayyid al-Muqr'i'in wa Imam al-Murattalin wa al-Mujawwidin*' (Mahmud Taufiq 2011: 94). Manakala menurut Nabil (2011: 31), Shaykh Muhammad Rif'at digelar sebagai '*LUBL al-Firdaus*' iaitu seekor burung kecil yang sedap suaranya. Tariq (1994: 9) pula menyatakan Shaykh Rif'at dikenali sebagai '*Amir al-Muqr'i'in*'. Manakala Mahmud al-Sa'dani (1996: 13) menganggap beliau sebagai '*Sawt al-Sya'b*' iaitu suara bangsa.

Shaykh Muhammad Rif'at mempunyai empat orang anak, tiga orang daripadanya adalah lelaki (Mahmud Taufiq (2011: 14). Abdullah Salim (2003) pula menyatakan, Shaykh Muhammad Rif'at mempunyai seramai lima orang anak, yang paling tua ialah Mahmud dilahirkan pada tahun 1906, Muwaqqid meninggal dunia sewaktu kecil, Muhammad dilahirkan pada tahun 1909, Ahmad dilahirkan pada tahun 1911, anak perempuan beliau (Bahyah) dilahirkan pada tahun 1914 dan Husin dilahirkan pada tahun 1919. Kesemua mereka telah meninggal dunia.

Latar Belakang Pengajian

Shaykh Muhammad Rif'at pada usia kanak-kanaknya telah mempelajari dan menghafaz $\frac{1}{4}$ al-Quran dengan ayahnya. Kemudian beliau menyempurnakan baki pengajian itu dalam bentuk hafazan dan tajwid bersama gurunya, Shaykh Muhammad Hamidah di sebuah *kuttab* di Mesir (Mahmud 2011: 30). Shaykh Muhammad Rif'at telah mempelajari serta mendalamai ilmu tafsir, qira'at dan tajwid dengan Shaykh Muhammad al-Baghdadi dan Shaykh al-Samluti. Kemudian beliau mempelajari kaedah ilmu *usul al-musiqi* dengan menghafal beratus-ratus tausiyah dan qasidah keagamaan. Beliau juga mempelajari cara-cara paluan gendang dan beberapa alat-alat muzik lain. Shaykh Muhammad Rif'at berjaya menamatkan hafalan al-Quran sebelum usia 10 tahun (al-Buluk 2011: 11). Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan Ahmad (2012) berpendapat ketika umurnya mencapai usia 5 tahun lagi, Shaykh Rif'at mula menghafaz al-Quran di *kuttab* masjid Fadhil Basya. Setelah usia beliau meningkat remaja, beliau mempelajari pula ilmu qira'at, tafsir dan *maqamat musiqiyyah* bersama beberapa orang guru di zamannya.

Menurut Tariq Khalil (1994: 13), Shaykh Muhammad Rif'at mempelajari ilmu *usul al-musiqi* dan kaedah-kaedahnya dengan pakar-pakar lagu sezaman dengan beliau, menghafaz berpuluhan-puluhan bait lagu, tausiyah dan mempelajari alat permainan gabus. Ahmad (2012) menyatakan bahawa pengetahuan Shaykh Muhammad Rif'at dalam bidang ini diakui sendiri oleh Muhammad Sayyid al-Mulihi, salah seorang sasterawan terkenal di Mesir, menjelaskan di dalam majalah *al-Risalah* bahawa Shaykh Rif'at merupakan *Sayyid al-Qurra'* di zaman ini, manakala dari segi nilai seni muziknya adalah secara fitrah dan semula jadi.

Shaykh Rifat menyempurnakan pembelajaran *qira'at tujuh* dengan Shaykh 'Abdul Fattah Hunaidi. Beliau merupakan salah seorang *qurra'* alim dan terkenal dengan ilmu *qira'at* di Mesir terutama *al-Qira'at al-Kubra Tariq al-Jazari*. Setelah berjaya menghabiskan pengajian *qira'at tujuh* itu, beliau telah dipilih serta dilantik oleh pihak Kementerian Waqaf Mesir sebagai qari di masjid Fadhil Basha di *Darb al-Jamamiz* kerana memiliki *uslub qira'ah* yang baik dan mempunyai kekuatan dari aspek kekusyukan dan *taswiran* (gambaran) makna ayat (Tariq Khalil 1994: 12). Nabil (2011: 34) menjelaskan bahawa Shaykh Muhammad Rifat telah berguru pengajian ilmu *qira'at tujuh* dengan Shaykh 'Abdul Fattah Hunaidi, manakala dalam ilmu tajwid pula dengan dua orang guru iaitu Shaykh Muhammad al-Baghdadi dan Shaykh al-Samluti. Beliau juga mempelajari kaedah muzik dan *al-maqamat* dengan beberapa pakar seperti Shaykh Muhammad 'Abdul Rahim al-Maslub, 'Abduh al-Hamuli dan Muhammad Uthman. Shaykh Muhammad Rifat tidak mempelajari ulum al-Quran di maahad atau madrasah secara khusus, tetapi beliau menelaahnya bersama individu-individu, pendakwah dan para ulama di zamannya (Mahmud 2011: 31). Dari segi personaliti diri, Shaykh Muhammad Rifat berbeza dengan qari-qari yang lain. Dalam kalangan masyarakat setempat beliau lebih dikenali sebagai seorang yang sangat tinggi budi pekertinya. Menurut Mahmud (1996: 17) pernah suatu ketika, Shaykh Rifat diundang oleh seseorang jutawan India, Haidar dengan bayaran sebanyak LE100 sehari serta diberikan pengangkutan dan tempat tinggal percuma, tetapi beliau menolak permintaan itu dan lebih suka menghidupkan bacaan al-Quran pada malam-malam bagi majlis orang-orang fakir secara percuma. Shaykh Muhammad Rifat juga terkenal dengan sikap warak dan zuhud. Ini dapat dilihat pada kediaman tempat tinggal beliau yang sangat sederhana di perkampungan Sayyidah Zainab yang padat dengan penduduk. Selain itu, Shaykh Rifat sangat dihormati di kalangan para qari seangkatan beliau seperti Shaykh Ali Siffi, Shaykh Mustafa Isma'il, Shaykh Taha al-Fasyni dan lain-lain bahkan beliau menjadi idola dan rujukan dalam bidang pembacaan al-Quran sehingga jika dilihat pada bacaan, jelas terdapat persamaan dari aspek *uslub qira'ah* iaitu cara bacaan masing-masing.

Penglibatan dalam Tilawah al-Quran

Terdapat banyak riwayat tentang pembabitan Shaykh Muhammad Rifat dalam dunia tilawah al-Quran sama ada dalam negara Mesir maupun di luar. Menurut al-Qadi (1997: 29), semasa hayatnya Shaykh Muhammad Rifat telah membaca al-Quran di masjid Fadhil Basha bermula dari tahun 1918-1942. Sebelum pusat penyiaran *Iza'ah al-Misriyyah* dirasmikan pada tahun 1934, terdapat beberapa pusat penyiaran tempatan di Mesir. Antara yang terawal ialah sebuah pusat penyiaran yang dimiliki oleh Sayyid Habysi Jarjash. Di pusat penyiaran ini, Shaykh Muhammad Rifat pernah ditugaskan untuk membaca al-Quran iaitu pada setiap dua hari sekali yang mengambil masa selama 15 minit (al-Sa'dawi 2006: 229). Pada majlis perasmian pusat tersebut, Shaykh Muhammad Rifat adalah qari rasmi yang dilantik oleh pemerintah Mesir bagi memperdengarkan bacaan al-Quran, dan beliau telah membacakan surah *al-Fath* (Tariq 1994: 12-13). Perlantikan ini telah mendapat pengesahan dan pengakuan daripada *Lujnah 'Umum Maqari' Misriyyah* yang berperanan untuk memilih dan menapis qari-qari untuk masuk ke stesyen televisyen dan radio Mesir.

Pada 31 Mei 1934 juga, Shaykh Muhammad Rifat secara rasminya telah diundang oleh *Iza'at al-Misriyyah* (Pusat Penyiaran Mesir) untuk membacakan al-Quran yang ke udara secara langsung pada setiap hari selepas waktu solat selama 50 minit. Tugas ini dilakukan secara beterusan sehingga beliau ditimpa dengan penyakit pada tahun 1940. Shaykh Muhammad Rifat adalah qari pertama yang memperdengarkan al-Quran dalam siaran televisyen Mesir, dan suara beliau itu didengari oleh jutaan para pendengar di seluruh bumi Mesir. Beliau juga turut ditugaskan untuk membacakan al-Quran di pusat tersebut sebanyak dua kali seminggu iaitu pada petang hari

Selasa dan Jumaat. Beliau juga dijemput untuk memperdengarkan bacaan al-Quran di Eropah pada tahun 1934 (Mahmud 2011: 105).

Penglibatan Shaykh Muhammad Rifat dalam dunia tilawah al-Quran terus memberikan sinar kepada beliau di mana beliau diundang ke beberapa buah negara Arab dan Islam yang lain bagi tujuan menggerakkan program-program *haflah* dan majlis-majlis keagamaan. Melalui medium tersebut, beliau telah dihadiahkan cenderahati yang berbentuk wang ringgit dan pelbagai hadiah lain lagi, namun beliau mendermakan keseluruhan pemberian itu ke jalan Allah s.w.t serta tidak meninggalkannya sedikit pun di saat beliau menemui ajal. Pada tahun 40an, kerajaan India pernah menawarkan beliau sebanyak tiga ribu wang Mesir sebulan untuk beliau tinggal di sana dan bertugas hanya untuk membacakan al-Quran di dalam siaran tv mereka, namun beliau menolaknya. Manakala Ketua Dewan Diraja Mesir, Ahmad Husnin Basha pula telah menghadiahkan kepada Shaykh Rifat sebidang tanah hak miliknya supaya memudahkan beliau menetap dan membaca al-Quran (al-Qadhi 1997: 27). Kemasyhuran yang dinikmati oleh Shaykh Muhammad Rifat bukan sahaja dalam negara Mesir, bahkan turut menjangkau luar sempadan negara. Al-Buluk (2011: 22) telah menjelaskan bahawa pusat penyiaran dari London, Paris dan Berlin telah memberikan liputan secara meluas terhadap bacaan Shaykh Rifat. Mereka berusaha menyebarkannya kepada dunia Islam melalui program-program harian yang dilaksanakan. Rakaman-rakaman bacaan beliau dikeudarakan ketika tercetusnya Perang Dunia Kedua.

Sudah menjadi kebiasaan dan budaya di negara Mesir, para raja dan pemerintah menjemput para qari ke istana bagi tujuan untuk memperdengarkan ayat-ayat suci al-Quran. Para qari turut sama memeriahkan program tersebut dengan persembahan alunan al-Quran, qasidah, tausiyah dan lain-lain. Menurut Mahmud (2011: 18) Shaykh Muhammad Rifat diundang membaca al-Quran di istana Mustafa Fadhil Basha pada setiap bulan Ramadan selama 11 tahun. Kalangan *qurra'* yang bersama-sama beliau ketika itu ialah Shaykh Ahmad Nada, Shaykh al-Qaysuni, Shaykh Hasan al-Sawwab dan lain-lain. Shaykh Muhammad Rifat juga diundang ke sambutan Iza'at al-Misriyyah yang berlangsung di Pusat Opera Diraja pada tahun 1938. Majlis tersebut turut dihadiri para pembesar negara, menteri serta orang kenamaan di mana beliau ditugaskan sebagai qari al-Quran. Upacara berkenaan diberikan liputan meluas oleh media masa (Anon 1988). Semasa hayatnya, Shaykh Muhammad Rifat tidak pernah diberi sebarang anugerah yang berbentuk material sebagaimana qari-qari yang lain, tetapi hanya dikurniakan penghormatan sebagai qari yang membawa gelaran '*Fadhilat al-Shaykh Muhammad Mahmud Rifat*' (Mahmud Taufiq 2011: 104-105).

Rakaman Turath Bacaan

Maksud *turath* ialah khazanah lama atau peninggalan rakaman-rakaman bacaan al-Quran sama ada dalam bentuk kaset, cakera padat atau piring hitam yang sempat direkodkan oleh individu perseorangan ataupun syarikat rakaman. Pengertian *turath* dalam konteks perbincangan ini ialah apabila seseorang shaykh atau qari meninggal dunia, maka rakaman-rakaman dikumpulkan, kemudiannya dihimpunkan dalam satu tempat khusus dan diletakkan di bawah Pusat Penyiaran al-Quran (*Iza'ah al-Quran*). Di bawah pusat ini, rakaman-rakaman tersebut dijaga dengan rapi dan kemas dengan melakukan proses menyalin semula suara bagi mana-mana rakaman yang lusuh, rosak dan musnah.

Bagi *turath* Shaykh Muhammad Rifat dalam dunia tilawah al-Quran, dua individu penting berperanan besar dalam usaha merakam dan merekodkan bacaan beliau. Mereka ialah pemilik Bank Mesir, Zakaria Basha Mahran dan rakannya Muhammad Khamis, seorang ahli perniagaan terkenal. Kedua-duanya telah mendapat cetusan idea dan ilham bagi merakamkan bacaan Shaykh Muhammad Rifat kira-kira pada pertengahan tahun 60an di mana rakaman asalnya dalam bentuk piring hitam. Rakaman pertama yang direkodkan ialah ketika hari kemangkatan Raja Fu'ad pada

tahun 1936 di mana Shaykh Rifat membaca surah *Hud*, manakala untuk kali kedua, ianya telah dirakam ketika al-Nuhas Basha menunaikan solat Jumaat di Masjid Fadhil Basha pada tahun 1938 iaitu rakaman surah *al-Kahf*. Kedua-dua rakaman itu dibuat secara langsung di hadapan para jemaah solat (al-Qadi 1997: 27). Menurut 'Abdullah (2003) rakaman awal yang dibuat oleh Shaykh Rifat adalah rakaman dalam negeri iaitu pada surah *al-Kahf* dan *Maryam* yang dirakamkan dalam cakera padat. Pusat penyiaran B.B.C, Britain juga pernah membuat pelawaan rasmi kepada Shaykh Muhammad Rifat untuk merakamkan suaranya, namun beliau menolak kerana menganggap ianya haram dengan alasan bahawa pusat penyiaran tersebut adalah hak milik orang asing.

Dalam melaksanakan kerja-kerja memelihara *turath* Shaykh Muhammad Rifat, *Iza'ah al-Misriyyah* banyak menyalurkan bantuan dan pertolongan kepada anak-anak Shaykh Muhammad Rifat dan rakan-rakannya dalam usaha mengumpulkan rakaman-rakaman tersebut. Hasilnya mereka berjaya menghimpunkan sebanyak 278 cakera padat yang mengandungi 19 surah dan tempoh durasinya selama 21 jam. Ia merupakan suatu peninggalan *turath* yang sangat besar dan amat bernilai sekaligus mampu memberikan sumbangan yang penting dalam dunia tilawah al-Quran. Dengan demikian, beliau dianggap sebagai '*'Amir al-Qurra'* (Tariq 1994: 14). Nabil (2011: 34) menjelaskan bahawa *turath* Shaykh Muhammad Rifat yang sampai hingga ke hari ini amat sedikit. Menurut al-Buluk (2011: 22), rakan-rakan dan peminat-peminat Shaykh Muhammad Rifat telah mengumpul *turath* Shaykh Rifat dan menyerahkannya kepada *Maktabah Iza'ah*. Menurut Muhammad (1960: 113), oleh kerana *Iza'ah al-Misriyyah* tidak merakamkan bacaan Shaykh Rifat semasa hidupnya, kebanyakan suara beliau di dalam cakera padat kurang berkualiti dan menyebabkan seolah-olah seperti berlaku kecacatan pada kerongkongnya.

Usaha mengumpul, menjaga dan memelihara *turath* ini sebenarnya hasil permohonan dan permintaan anak-anak dan rakan-rakannya dari Kementerian Kebudayaan. Mereka meminta pihak terbabit supaya melakukan penambahbaikan terhadap rakaman-rakaman tersebut ke dalam bentuk cakera padat. Bagi memudahkan lagi urusan dan kerja-kerja berkaitan dengan *turath* Rifat ini, mereka menujuhkan satu persatuan peminat-peminat Shaykh Rifat dikenali dengan *Jam'iyyat al-Mahbub Turath al-Rifa'at*. Dengan kekuatan persatuan yang ada, mereka membuat desakan kepada Kementerian Kebudayaan supaya memulihara *turath* Syakh Rifa'at dan akhirnya kerajaan bersetuju serta menyatakan sokongan kepada usaha-usaha yang dilakukan ini. Menurut beliau lagi, rakaman-rakaman Shaykh Rifat boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu: rakaman awal yang direkodkan di kediaman beliau oleh rakannya, Zakaria Basya Mahran dengan menggunakan peralatan lama pada tahun 20an dan 30an dan telah dipindahkan ke dalam kaset (master); rakaman yang direkodkan melalui siaran langsung di radio, dan; rakaman yang direkodkan di majlis-majlis dan perayaan-perayaan. Oleh demikian, *turath* Shaykh Muhammad Rifat diletakkan di Pusat Penyiaran *Iza'ah al-Misriyyah*, manakala Pusat Penyiaran al-Quran pula bertanggungjawab sebagai unit yang menyarkan rakaman-rakaman tersebut, bukan sahaja pada bacaan Shaykh Rifat, malah qari-qari yang lain juga seperti Shaykh Mustafa Isma'il, Shaykh Mahmud Khalil, Shaykh Ali al-Banna, Shaykh Siddiq al-Minsyawi, Shaykh Abdul Basit dan lain-lain. Kamal (1993: 166) menyatakan: "Sekarang, tiap kali aku mendengar rakaman bacaan dari kaset Shaykh Rifat, aku merasakan ia adalah suatu era kebangkitan (dunia tilawah al-Quran) dalam kaca mata sejarah". Berikut adalah khazanah bacaan Shaykh Muhammad Rifat:

Jadual 1: Rakaman bagi Surah-surah Lengkap dan Bilangan Versi Bacaan

<i>Surah</i>	<i>Ayat</i>	<i>Bilangan Versi Bacaan</i>
al-Fatiyah	1-7	1
Al-Rahman	1-78	2
Al-Waqi'ah	1-38	1
Al-Jin	1-28	1
Al-Muzzammil	1-20	2

Al-Insan	1-31	2
Al-Mursalat	1-50	1
Al-Naba'	1-40	1
Al-Infitar	1-19	1
Al-Mutaffifin	1-36	1
Al-Buruj	1-22	1
Al-Tariq	1-17	1
Al-'Ala	1-19	1
Al-Ghasiyah	1-26	1
Al-Fajr	1-30	1
Al-Balad	1-20	1
Al-'Alaq	1-19	1
Al-Qadr	1-5	1
Al-Bayyinah	1-8	1
Al-Zalzalah	1-8	1
Al-'Adiyah	1-11	1
Al-Qari'ah	1-11	1
Al-Takathur	1-8	1
Al-'Asr	1-3	1
Al-Humazah	1-9	1
Al-Fil	1-5	1
Quraysh	1-4	1

Jadual di atas menunjukkan rakaman bacaan Shaykh Muhammad Rif'at bagi surah-surah yang lengkap dan bilangan versi bacaan. Pengertian surah-surah lengkap merujuk kepada rakaman bacaan secara lengkap dari awal ayat hingga akhir ayat, manakala maksud versi bacaan ialah gaya, corak, bentuk atau model bacaan. Jadual menunjukkan surah-surah lengkap yang dibaca ialah sebanyak 27 surah. Daripada surah-surah tersebut, 3 daripadanya iaitu *al-Rahman*, *al-Muzammil* dan *al-Insan* mempunyai dua versi bacaan (model atau gaya bacaan) dan selebihnya iaitu 24 surah mempunyai satu versi sahaja. Analisis jadual di atas menjelaskan bahawa kebanyakan surah yang dibaca dengan lengkap terdiri daripada surah-surah yang mengandungi ayat-ayat pendek iaitu sebanyak 20 surah yang terdapat dalam juzuk ke 30. Ini bermakna surah-surah yang pendek lebih mudah bacaannya dapat dihabiskan berbanding dengan surah-surah yang panjang.

Jadual 2: Rakaman bagi Surah-surah Tidak Lengkap dan Bilangan Versi Bacaan

Surah	Ayat	Bilangan Versi Bacaan
Al-Baqarah	25-29 & 44-73	2
Ali 'Imran	33-51	1
Al-Nisa'	57-79, 128-139, 45-159 & 170-173	4
Al-Maidah	23-48, 88-91, 111-117 & 56-73	4
Al-An'am	82-87, 88-101, 141-159 & 123-126	4
Al-'Araf	32-35	1
Al-Taubah	16-18, 71-85, 121-128	3
Yunus	1-10, 18-31, 35-64 & 67-72	4
Hud	13-17, 23-28, 61-75 & 84-108	4
Yusuf	1-27, 53-82 & 108-110	3
Al-Ra'd	1-16 & 1-9	2
Ibrahim	10-15 & 39-41	2
Al-Hijr	22-46	1

Al-Nahl	31-32	1
Al-Isra'	1-52	1
Al-Kahf	1-21, 46-47 & 60-89	3
Maryam	1-36 & 1-40	2
Taha	1-52	1
Al-Haj	27-36	1
Al-Nur	35-38	1
Al-Furqan	53-59 & 61-76	2
Al-Fath	1-11 & 17-20	2
Al-Tur	17-28	1
Al-Qamar	1-7	1
Al-Talaq	1-7	1
Al-Qiyamah	1-23	1
Al-Insyiqaq	1-15	1

Jadual di atas memaparkan rakaman bacaan Shaykh Muhammad Rifat bagi surah-surah yang dibaca dengan tidak lengkap serta bilangan versi bacaan bagi tiap-tiap surah. Jumlah surah-surah yang dibaca tidak lengkap sebanyak 27 surah dan surah-surah itu ialah *al-Baqarah*, *ali Imran*, *al-Nisa'*, *al-Maidah*, *al-An'am*, *al-A'raf*, *al-Taubah*, *Yunus*, *Hud*, *Yusuf*, *al-Ra'd*, *Ibrahim*, *al-Hijr*, *al-Nahl*, *al-Isra'*, *al-Kahf*, *Maryam*, *Taha*, *al-Haj*, *al-Nur*, *al-Furqan*, *al-Fath*, *al-Tur*, *al-Qamar*, *al-Talaq*, *al-Qiyamah* dan *al-Insyiqaq*. Surah-surah tersebut mengandungi satu hingga empat versi bacaan. Surah yang mengandungi 1 versi bacaan adalah 13 surah iaitu *Ali-'Imran*, *al-A'raf*, *al-Hijr*, *al-Nahl*, *al-Isra'*, *Taha*, *al-Haj*, *al-Nur*, *al-Tur*, *al-Qamar*, *al-Talaq*, *al-Qiyamah* dan *al-Insyiqaq*. Surah yang mengandungi 2 versi bacaan adalah 6 surah iaitu *al-Baqarah*, *al-Ra'd*, *Ibrahim*, *Maryam*, *al-Furqan* dan *al-Fath*. Surah yang mengandungi 3 versi pula adalah 3 surah iaitu *al-Taubah*, *Yusuf* dan *al-Kahf*, manakala surah yang mengandungi 4 versi adalah 5 surah iaitu *al-Nisa'*, *al-Maidah*, *al-An'am*, *Yunus* dan *Hud*. Analisis jadual menunjukkan bacaan pada surah-surah yang tidak lengkap terdiri daripada juzuk-juzuk besar dalam al-Quran. Perbezaan di antara bacaan pada surah-surah yang lengkap dan tidak lengkap adalah surah-surah yang pendek pada juzuk ke 30 lebih mudah untuk dihabiskan bacaannya berbanding dengan surah-surah panjang. Antara faktor penyebab surah-surah panjang tidak dapat disempurnakan adalah masa yang agak singkat untuk setiap persembahan seperti diadakan di masjid sebelum solat Jumaat, studio *Iza'ah al-Quran*, sambutan Maulidul Rasul, selepas solat terawih dan lain-lain.

Shaykh Muhammad Rifat juga meninggalkan khazanah azan dalam 2 versi. Versi pertama menggunakan *maqam Rast*, manakala versi kedua pula menggunakan *maqam Sikah*. Versi kedua adalah paling banyak diaplikasikan oleh para qari di seluruh dunia termasuk Malaysia. Keistimewaan yang ada pada versi kedua ini ialah kerana jarang sekali para qari atau muazzin mengalun dan menggayakan dengan *maqam Sikah* pada laungan azan. Kebiasaannya azan dipadukan dengan *maqam Rast* atau *Nahawand* atau *Hijaz* dan *Bayyati* seperti yang dilakukan oleh Shaykh Mustafa Isma'il dengan *maqam Rast*, Nahawand, Bayyati dan Hijaz, Shaykh Abdul Basit dengan *maqam Rast*, *Bayyati* dan *Hijaz* manakala Shaykh Ali al-Banna dengan *maqam Rast*. Hasil daripada perbincangan tersebut menjelaskan tentang khazanah *turath* Shaykh Muhammad Rifat yang sempat dirakam dan direkodkan ketika hayat beliau. Secara umumnya analisis jadual menunjukkan keseluruhan rakaman *turath* beliau adalah sebanyak 55 rakaman iaitu 54 terdiri daripada koleksi bacaan al-Quran dan hanya koleksi azan. Surah-surah yang dibaca dengan lengkap adalah sebanyak 27 surah, manakala yang tidak lengkap pula sebanyak 27 surah. Dari segi bilangan versi bacaan pada surah-surah lengkap, terdapat 24 surah yang mempunyai 1 versi bacaan dan hanya 3 surah sahaja yang mempunyai 2 versi bacaan. Bagi bilangan versi surah-surah yang tidak lengkap pula, terdapat 13 surah yang mempunyai 1 versi, 6 surah yang mempunyai 2 versi, 3 surah yang mempunyai 3 versi dan 5 surah lagi mempunyai 4 versi. Dalam aspek laungan

azan pula, hanya terdapat 2 versi azan yang ditinggalkan oleh Shaykh Rifat. Dua versi tersebut menggunakan *maqam Sikah* dan *Rast*.

Shaykh Muhammad Rifat menjadi model dalam pembelajaran seni bacaan al-Quran sama ada dalam *qira'at* mahupun *tarannum*. Bagi Mahmud (2011: 33), jika Allah mentakdirkan semua rakaman *turath* Shaykh Rifat yang sampai kepada kita hari ni lengkap, maka selayaknya kaedah beliau itu boleh didirikan sebuah sekolah, bahkan sebuah universiti bagi tujuan pembelajaran al-Quran dan pelbagai *al-Qira'at al-Quraniyyah*. Kerajaan Mesir telah bersetuju untuk mendirikan sebuah muzium bagi Shaykh Muhammad Rifat sempena dengan sambutan seratus tahun kelahiran beliau khususnya untuk peminat-peminat beliau yang berada di Jalan Raja Faisal, Atabah, Mesir agar kesemua *turath* ini dapat dijaga serta dipelihara dengan baik (Mahmud 2011: 137).

References

- 'Abdullah Salim. 2003. <http://www.islamophile.org/spip/article780,780.html>. Diakses pada 11 May.
- 'Atiyyah 'Abdul Khaliq. 1984. *Fann Tarbiah al-Aswat*. Cairo: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah.
- Ahmad 'Abdul Muhsin. 2012. *Shaykh Muhammad Rifat, Karwan Idha'ah al-Quran*. Al-Misriyyun. t.tp. 5 August 2012.
- Anon. 1988. Haflah li Mahattah al-Iza`ah fi Dar al-Ubira al-Malakiyyah. Majalah al-Oqtuber. Bil 630. 20 November.
- al-Bayumi, Muhammad Rejab. 1960. Al-Muqrī' Muhammad Rifat Bulbul al-Firdaus. *Majalah al-Hilal*.
- Al-Buluk, Ahmad. 2011. *Ashhar Man Qara al-Quran fi 'Asr al-Hadith*. Cairo: Dar al-Ma`arif.
- Kamal Najmi. 1993. *al-Ghina' al-Misriyyun Mutrabun wa Mustami'un*. Cairo: Dar al-Hilal.
- Khalid Ahmad al-Mu'ti. 2011. *Madaris al-Tilawah Muhammad Rifat, Qitharah al-Sama'*. Al-Ahram. Bil. 45528.
- Mahmud al-Sa`dani. 1996. *Alhan al-Sama'*. Cairo: Kitab Jumhuriyyah.
- Mahmud Taufiq al-Khauli. 2011. *Qitharah al-Sama' al-Shaykh Muhammad Rifat*. Cairo: Al-Maktabah al-Azhar li al-Turath.
- Nabil Hanafi. 2011. *Nujum al-'Asr al-Zahabi li Daulah al-Tilawah*. Cairo: Dar al-Akhbar al-Yawm.
- al-Qadi, Shukri. 1997. *'Abaqirah al-Tilawah fi Qarn al-'Ishrin*. Cairo: Dar al-Jumhuriyyah.
- al-Sa`dawi, Fauzi. 2006. *Syuyukh al-Ghina wa al-Musiqi, 'Asr al-Fann al-Jamil*. Alexandria: Dar al-Wafa'.
- Tariq Khalil. 1994. *Al-Quran al-Karim wa Mashahir al-Qurra'*. Cairo: Dar al-Tahrir.